

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JULAI 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 16
SURAT

Memanusiawi pembangunan dalam kerangka RMK13

16 CETUSAN
SINAR HARIAN • KHAMIS 3 JULAI 2025



DR ANIS YUSOFF YUSOFF

TELUS & TELUS
Sinar
Harlan

TELUS & TELUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Memanusiawi pembangunan dalam kerangka RMK13

Pembangunan negara bukan sekadar pertumbuhan ekonomi atau kemajuan infrastruktur semata-mata. Ia sepatutnya menyentuh dan memperbaiki kehidupan rakyat secara menyeluruh.

Kita berharap dalam konteks Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), agenda pembangunan negara perlu dipandu oleh prinsip pembangunan yang memanusiawi, iaitu pembangunan yang meletakkan insan sebagai teras kepada segala dasar dan pelaksanaan.

Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan sejak merdeka daripada pertanian ke perindustrian, dan kini menuju ke arah ekonomi digital dengan kelestarian alam sekitar.

Namun begitu, pelbagai cabaran masih membelenggu rakyat: ketidaksamarataan pendapatan, jurang wilayah, kemiskinan pelbagai dimensi, serta ketegangan dalam kesepaduan sosial dan ketandusan makna dalam kehidupan moden.

Lebih membarah lagi apabila kita berhadapan dengan sebilangan masyarakat yang terpalit dengan

polemik rosot minda. Fenomena ini jika tidak ditangani akan menjahanamkan negara kita ini.

Sebab itu dalam usaha membina negara maju dan sejahtera, kita tidak boleh mengabaikan aspek-aspek yang menjadikan kita manusia empati, keadilan, kebersamaan, keprihatinan dan sentiasa menjaga adab tatasusila kemanusiaan kita.

Memanusiawi pembangunan bermakna memastikan bahawa setiap dasar dan projek pembangunan benar-benar memperbaiki kehidupan rakyat biasa, khususnya golongan terpinggir.

Dalam pendidikan dan kesihatan pula, pendekatan yang bersifat holistik dan menyeluruh perlu diberi ruang, dengan mengambil kira faktor psikososial, budaya, dan komuniti.

RMK13 diharapkan akan menyambung iltizam dasar-dasar yang terdahulu yang masih belum dicapai.

Begitu juga lanya perlu melihat kepada Agenda Pembangunan Maman 2030 dengan memberi fokus kepada

keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial, serta kelestarian alam sekitar.

Ia harus melihat rakyat bukan sekadar sebagai faktor pengeluaran, tetapi sebagai pemegang taruh utama yang perlu didengar, difahami dan dilibatkan dalam proses pembangunan.

Dalam kerangka ini, pendekatan *bottom-up* amat penting iaitu melibatkan suara rakyat dari akar umbi dalam merangka, melaksana dan menilai dasar yang baik untuk mereka.

Media juga dapat memainkan peranan penting agar wacana awam ini nanti akan dapat disebarluaskan serta diper-tontonkan kepada orang ramai daripada hasil perbincangan secara intelektual yang berusaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah rakyat.

Selain itu, pembangunan rohani dan nilai perlu diberi tempat semula dalam agenda negara.

Sebagai penutup, penting untuk ditegaskan bahawa memanusiawi pembangunan bukanlah satu usaha untuk

menjadikan manusia seperti malaikat yang sempurna tanpa cela.

Sebaliknya, ia adalah pengiktirafan terhadap keunikan manusia makhluk yang berakal, berperasaan, bernafsu dan memiliki potensi untuk mencipta kebaikan bersama.

Kita tidak ingin merendahkan kemanusiaan kita demi mengejar kesempurnaan yang mustahil, tetapi mahu mengangkat nilai-nilai kemanusiaan seperti empati, keadilan dan tanggungjawab sosial sebagai asas pembangunan.

Inilah cara terbaik membina sebuah negara maju yang tidak kehilangan jiwanya, negara yang berkembang bersama rakyatnya, bukan sekadar untuk mereka. Semoga elemen-elemen penting ini ada terkandung dalam RMK13.

* Datuk Dr Anis Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.